

22 SEP 1997

Jerebu (Rangkuman)

KUALITI UDARA SEMAKIN BURUK, KUCHING MELEBIHI PARAS IPU 600

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Kualiti udara di Kuching semakin buruk dengan mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 600 petang ini manakala kebanyakan kawasan lain di seluruh negara turut mencatatkan paras yang lebih tinggi.

IPU di Gombak dan Nilai meningkat ke tahap berbahaya dengan catatan masing-masing 301 dan 306 pada pukul 11 pagi. Bagaimanapun bacaan IPU Gombak meningkat kepada 331 pada pukul 5 petang manakala bacaan IPU di Nilai susut kepada 240.

Sarawak yang memasuki hari keempat darurat jerebu mencatatkan bacaan IPU tertinggi sehingga 677 pada pukul 5 petang berbanding 604 pada tengah hari.

Mengikut bacaan IPU, sifar hingga 50 diklafikasikan sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak menyihat) dan 301 hingga 500 (berbahaya).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Pasukan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) serta pasukan bomba dan penyelamat akan dihantar ke Indonesia untuk menolong memadamkan kebakaran hutan dalam usaha mengatasi masalah jerebu.

Beliau yang juga Pengarah Gerakan Negara berkata pelbagai peralatan termasuk untuk menggali telaga akan dibawa kerana sesetengah tempat di Kalimantan sudah kekeringan termasuk sungai bagi digunakan untuk memadamkan kebakaran.

Langkah itu diambil selain bantuan yang diberikan kepada Indonesia untuk mengadakan pembenihan awan, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Alam di Jabatan Perdana Menteri.

Di JAKARTA, Presiden Soeharto hari ini juga bersetuju untuk menggunakan bantuan Malaysia bagi mengatasi masalah jerebu yang melanda negara, kata para pegawai.

Bercakap selepas mengadakan pertemuan dengan Soeharto, Menteri Koordinator Kebajikan Sosial, Azwar Anas berkata Malaysia telah menawarkan untuk menghantar lebih 1,200 anggota bomba dan kakitangan perubatan ke Sumatera.

Sementara itu Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah akan menghantar seramai 80 anggota termasuk 30 dari cawangan Sandakan dan Tawau ke wilayah Kalimantan Timur, Indonesia bagi membantu negara itu memadam api akibat kebakaran hutan.

Pengarah Bomba Negeri Encik Frankie Yun Leong berkata 50 anggota bomba dari sini berlepas ke Sandakan hari ini dan kemudian menuju ke Tawau sebelum diterbangkan oleh pesawat khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke Balikpapan.

"Penerbangan mereka ke Balikpapan akan bergantung kepada keadaan jerebu. Anggota bomba kita akan berada di sana sekurang-kurangnya dua minggu," katanya pada persidangan berita.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn pula berkata kementerian bersedia menghadapi kemungkinan menanggungkan peperiksaan utama jika keadaan jerebu di negara ini bertambah buruk.

Katanya, walaupun sukar untuk mengambil langkah sedemikian, kementerian bersedia menghadapi keadaan itu.

"Kita telah tangguhkan peperiksaan kerana banjir dan ketika kertas soalan bocor tetapi kita berupaya menghadapi keadaan itu," katanya kepada

pemberita setelah merasmikan kursus G-15 dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di sini hari ini.

Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) pula telah mengambil langkah membekukan cuti semua kakitangannya dan mengarahkan mereka bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan akibat jerebu.

Ketua Pengarah Abdul Whahid Selamat dalam satu kenyataan berkata anggota-anggota jabatan itu (termasuk anggota sukarelanya) juga diarah menghubungi cawangan JPA3 berdekatan bagi memastikan mereka mudah dihubungi.

Beliau juga mahu bilik gerakan di setiap pejabat pertahanan awam dibuka 24 jam sehari bagi menyelaras, mengawal dan mengikuti perkembangan terkini mengenai jerebu serta memberi dan menerima laporan dari bilik gerakan induk JPA3 mengenai hal yang sama. -- BERNAMA

TM NMO